


ISU UTAMA  
OLEH ZAIREENI AZMI

# ANJAKAN KUASA POLITIK WANITA



**P**ilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) memperlihatkan pengaruh suara rakyat dalam usaha membentuk dan mencorakkan kerajaan di negara ini. Rakyat yang bersuara melalui kotak undian telah memilih parti yang dipercayai mampu mentadbir urus negara, calon yang sesuai untuk mewakili mereka serta mesej yang ingin disampaikan cukup jelas, iaitu mereka menginginkan perubahan dalam pemerintahan dan membina kembali negara.

Pengundi yang berjumlah 14 940 624 memainkan peranan penting dengan mencorakkan hari bersejarah itu yang menyaksikan Barisan Nasional (BN) hanya memenangi 79 kerusi parlimen berbanding dengan Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) memperlihatkan pengaruh suara rakyat dalam usaha membentuk dan mencorakkan kerajaan di negara ini. Rakyat yang bersuara melalui kotak undian telah memilih parti yang dipercayai mampu mentadbir urus negara, calon yang sesuai untuk mewakili mereka serta mesej yang ingin disampaikan cukup jelas, iaitu mereka menginginkan perubahan dalam pemerintahan dan membina kembali negara.

Pakatan Harapan yang terdiri daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR), Parti Tindakan Demokratik (DAP), Parti Pribumi Bersatu (BERSATU), Parti Amanah Negara (AMANAH) dan kerjasama dengan Parti WARISAN di Sabah berjaya menguasai 121 kerusi parlimen. Para pengundi juga memainkan peranan besar dengan memberikan kemenangan kepada Parti Islam Se-Malaysia (PAS) untuk menerajui kerajaan negeri di Kelantan dan Terengganu di samping mengekalkan Perlis, Pahang dan Sarawak di bawah BN. Suara rakyat yang inginkan perubahan telah diterjemahkan.

# Pelancaran WANITA PAKATAN HARAPAN MALAYSIA & AGENDA WANITA MALAYSIA



Biarpun tidak mencapai sasaran yang dikehendaki, kerajaan kini jauh lebih terkehadapan dalam usaha memartabatkan suara wanita ke peringkat tertinggi negara.

Proses yang membawa kepada hari bersejarah itu melibatkan semua lapisan masyarakat. Dalam aspek ini, kuasa pengundi wanita tidak berkecuali dalam usaha membentuk landskap politik negara. Mereka mewakili 50.58 peratus daripada jumlah keseluruhan pengundi. Wanita memainkan peranan yang cukup penting dalam proses demokrasi ini. Penglibatan wanita dalam pendemokrasian di Amerika Latin, Brazil dan Kenya menunjukkan kebersamaan dan keberadaan wanita dalam proses tersebut. Perubahan landskap politik nasional yang memberikan kesan kepada penglibatan wanita dalam parti politik turut mengubah dunia politik di Turki, Yemen dan Jordon, Iran termasuk Mesir. Di negara Timur Tengah, wanita turut berperanan dalam pendemokrasian.

Penglibatan mereka dalam gerakan kebangkitan Islam di Iran dan Mesir telah menyumbang kepada kejatuhan kerajaan Shah Reza dan Hosni Mubarak. Penglibatan wanita dalam pendemokrasian sememangnya penting terutama dalam pilihan raya. Wanita demokrasi dan wanita menekankan kepentingan untuk menempatkan lebih banyak wanita pada peringkat pembuatan keputusan. Wanita perlu mempunyai akses dan peluang yang sama dengan lelaki pada peringkat perwakilan politik bagi memastikan isu-isu wanita diberi perhatian di samping mengekalkan elemen penyertaan yang setara dalam konteks demokrasi. Dengan kata lain, hak untuk dipilih diberi secara setara antara lelaki dengan wanita.

## Keterlibatan Wanita dalam Politik

Akses dan sejauh mana penglibatan wanita dalam domain politik terutama pada peringkat pembuat keputusan dan ruang awam dilihat sebagai penanda aras keseksamaan gender dalam masyarakat. Demokrasi Berparlimen menuntut keseksamaan representasi lelaki dan wanita dalam Parlimen. Tumpuan wacana demokrasi bagi feminis ialah tentang penglibatan politik dan representasi wanita. Namun begitu, rekod pencalonan wanita tidak menunjukkan perkembangan yang menggalakkan. Walaupun Malaysia telah memperakui polisi yang memperuntukkan sekurang-kurangnya 30 peratus wanita pada peringkat pembuat keputusan, namun kedudukan wanita masih jauh ketinggalan sama ada dalam politik formal atau struktur parti.

Data daripada Inter-Parliamentary Union menunjukkan hanya Rwanda dan Bolivia yang mempunyai bilangan wanita pada peringkat Parlimen melebihi 50 peratus, iaitu 63.8 peratus dan 58.1 peratus. Purata perwakilan wanita di dunia dalam Parlimen ialah 22.4 peratus manakala peratusan wanita di Asia Tenggara ialah 18 peratus.

Pada tahun 2017, penglibatan wanita sebagai wakil Parlimen di Malaysia berada di tangga 152 di dunia dengan 10.4 peratus menjadikannya sebagai negara kedua paling rendah purata perwakilan wanita dalam rantau Asia Tenggara. Malaysia masih ketinggalan berbanding dengan negara-negara jiran yang lain. Bahkan, Indeks Jurang Gender Malaysia yang mengukur jurang antara lelaki dengan wanita dalam empat kategori asas, iaitu peluang dan penyertaan Ekonomi, pencapaian pendidikan, kesihatan dan



**Jadual 1** Bilangan calon wanita pada PRU-14.

PARTI POLITIK		JUMLAH CALON	CALON MENANG
BARISAN NASIONAL	UMMO/BN	65	31
	MCA	17	0
	MIC	4	0
PAKATAN HARAPAN	DAP	28	28
	Amanah	10	3
	Bersatu	6	2
	PKR	42	22
PAS	PAS	38	4
LAIN-LAIN PARTI	PRM	5	0
	BEBAS	2	0
	PSM	3	0
	PFP	2	0
	PHR	9	0
	PCS	2	0
	WARISAN	9	3
	PKS	2	0
	MU	4	0
	PAP	2	0
	PIECE	1	0
PPRS	1	0	
<b>JUMLAH</b>		<b>252</b>	<b>93</b>

Sumber: Kajian Lapangan 2018.

kehidupan serta penguasaan politik memberikan indikasi yang ketara terhadap penyertaan wanita yang rendah pada peringkat membuat keputusan dalam politik.

Jumlah pencalonan wanita dalam pilihan raya di Malaysia tidak pernah mencapai 30 peratus. Bilangan wanita yang dipilih sebagai ahli Parlimen pula tidak melebihi 11 peratus. Pada hakikatnya, kepentingan wanita sebagai kuasa yang mencorakkan politik tidak direalisasikan sepenuhnya. Bilangan calon wanita dalam PRU-14 ialah yang tertinggi sejak pilihan raya diadakan, iaitu seramai 252 orang untuk merebut 222 kerusi Parlimen dan 505 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN), namun peratusan itu hanyalah 10.8 peratus daripada keseluruhan jumlah calon.

Parti politik yang bertanding sama ada BN, PH dan PAS telah meningkatkan jumlah calon wanita dalam usaha merealisasikan sasaran 30 peratus wanita sebagai pembuat keputusan. Walaupun tidak dinafikan usaha ini sebagai strategi parti-parti politik untuk menarik undi daripada pengundi wanita, namun tindakan ini penting bagi membolehkan suara wanita didengari dan pada masa yang sama dapat memberikan ruang dan peluang kepada golongan wanita untuk menyumbang dan mempengaruhi pembangunan negara.

Pada PRU-14, seramai 177 orang wanita telah dicalonkan bagi kerusi pada peringkat DUN, manakala 75 orang calon wanita pada peringkat parlimen. BN dan PH telah mencatatkan bilangan pencalonan yang sama, iaitu 86 orang wanita, 38 pencalonan daripada PAS, lapan orang daripada Parti Harapan Rakyat (PHR), serta sembilan pencalonan daripada Parti Warisan, manakala baki 25 pencalonan datangnya daripada pelbagai parti lain termasuklah Bebas.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 26 orang wanita daripada BN, 26 orang wanita PH, 10 orang wanita PAS dan selebihnya 13 orang wanita daripada pelbagai parti bertanding di kerusi Parlimen (seorang calon wanita PRM, dua orang daripada MU, dua calon bebas, lima calon PHR, dua pencalonan Parti Warisan dan seorang daripada Piece). Pada peringkat DUN pula, PH dan BN masing-masing mencalonkan 60 orang tokoh wanita, 28 orang pencalonan PAS dan selebihnya daripada PRM (empat), PSM (tiga), PFP (dua), PHR (tiga), PCS (dua), Warisan (tujuh), PKS (dua), MU (dua), PAP (dua), PPRS (satu) serta Bebas (satu). Secara keseluruhannya, jumlah pencalonan wanita untuk kerusi Dewan Rakyat ialah 14.86 peratus, manakala untuk kerusi DUN ialah 11.88 peratus. Jumlah ini adalah jauh lebih baik berbanding dengan pilihan raya yang lepas.

Negeri yang paling banyak mempunyai calon wanita ialah Sabah, iaitu seramai 41 orang diikuti oleh Selangor 36 dan Johor 32 orang. Manakala negeri yang paling sedikit pencalonan wanita ialah Terengganu yang turut menyaksikan ketiadaan calon wanita daripada PAS.

Secara keseluruhannya, peningkatan bilangan calon wanita daripada parti-parti yang bertanding adalah satu langkah yang positif dalam usaha mengiktiraf sumbangan dan peranan penting wanita dalam politik. Namun begitu, hal tersebut jelas menunjukkan dominasi lelaki masih mencengkam politik Malaysia. Kuasa wanita sebagai pengundi tidak dipanjangkan ke peringkat membuat keputusan sedangkan parti-parti politik amat bergantung kepada wanita sebagai jentera parti untuk meraih undi. 50 peratus daripada jumlah keahlian parti-parti politik



Wanita perlu diberi peluang sebagai pembuat keputusan.



utama di negara ini dianggotai oleh wanita sama ada dalam UMNO, PAS dan PKR. Bahkan ahli wanita juga telah diiktiraf dengan memainkan peranan yang signifikan untuk meraih sokongan masyarakat, mengendalikan aktiviti parti dan berkempen. Namun begitu, mengapakah peluang dan ruang untuk wanita pada peringkat membuat keputusan dalam politik terutama dalam konteks pilihan raya sebagai calon masih kecil? Walaupun bilangan calon wanita secara keseluruhannya telah meningkat, namun dari segi peratusan calon wanita hanyalah berjumlah 10.8 peratus daripada jumlah 2333 orang calon yang bertanding. Adakah parti-parti yang bertanding sukar untuk mencapai sasaran 30 peratus meskipun semasa berkempen mereka mendakwa mementingkan peranan\* wanita pada semua peringkat? Adakah masyarakat masih melihat lelaki lebih sesuai, cekap, telus, lebih maskulin daripada wanita untuk menjadi pemimpin? Sekiranya ya, maka kriteria pemimpin yang dikongkong dengan perspektif gender yang tidak setara akan sentiasa mengekang ruang dan peluang wanita untuk menikmati kesamarataan gender dalam pembangunan negara.

Dalam konteks PRU-14, wacana wanita dan politik mendapat liputan yang cukup meluas memandangkan peratusan wanita sebagai pengundi berdaftar melebihi golongan lelaki. Tambahan pula, kajian terhadap PRU-13 mendapati pengundi wanita didapati sebagai penyumbang utama dengan mengekalkan penguasaan kerajaan BN di kubu-kubu kuat mereka, sama ada di kawasan luar bandar dan kawasan penempatan seperti FELDA. Oleh itu, media utama melalui akhbar dan stesen televisyen memberikan perhatian sepenuhnya kepada pengundi wanita melalui pelbagai wacana yang berkait dengan wanita seperti "Apakah Pengundi Wanita

Mahu?", "Kuasa Undi Wanita", "Manifesto Wanita" dan sebagainya. Malah parti-parti yang bertanding juga memberikan tumpuan kepada pengundi wanita. Pakatan Harapan mendahului pelancaran manifesto parti dengan menjanjikan 10 perkara dalam masa 100 hari termasuklah memperkenalkan skim caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk suri rumah. Di dalam Buku Harapan pula terkandung iltizam untuk memperkasakan wanita yang mencakupi;

- Memastikan sistem ekonomi negara peduli wanita.
- Memastikan penjagaan kesihatan dan keselamatan sosial wanita.
- Memastikan sistem pendidikan negara mengiktiraf dan membangunkan wanita.
- Memastikan sistem perundangan melindungi hak dan kehormatan wanita.
- Mendemokrasiikan sistem politik agar wujud lebih banyak pemimpin wanita yang tampil ke hadapan.

Pelancaran Manifesto BN dimulakan dengan tumpuan kepada golongan wanita dan ibu melalui "Ratu Hati Negaraku". Manifesto tersebut mengandungi pelbagai aku janji yang didakwa dapat memperkasakan golongan wanita termasuklah cadangan penubuhan Majlis Ekonomi Wanita yang dilihat kesinambungan daripada pembentangan belanjawan dengan pengisytiharan Tahun Memperkasakan Wanita 2018. PAS di bawah Gagasan Sejahtera turut mengemukakan manifesto Gagasan Sejahtera Wanita untuk golongan hawa, iaitu "Tawaran Wanita Sejahtera" yang merangkumi wanita berkerjaya, suri rumah, wanita yang ditinggal atau kehilangan suami juga wanita warga emas dan OKU. Kesemua manifesto ini bertujuan untuk menarik undi wanita yang terbahagi kepada-dua kelompok, iaitu wanita bandar dan wanita luar bandar. Undian daripada wanita



Muslimat PAS wajar diberi peluang yang lebih terbuka.

Rajah 1 Cabaran yang dihadapi calon wanita.



Sumber: Kerja lapangan PRU-14 (2018).

mampu memberikan kesan dalam menentukan keputusan PRU-14. Manifesto BN dan PH lebih jelas untuk penglibatan bersama-sama wanita pada peringkat pembuat keputusan melalui iltizam dan aku janji yang termaktub dalam manifesto parti masing-masing. Namun begitu, kedua-dua gabungan parti-parti politik ini tidak berjaya merealisasikan janji mereka apabila calon wanita daripada kedua-dua blok itu tidak mencapai sasaran 30 peratus.

### Cabaran dalam Politik

Pelbagai faktor dilihat menyumbang kepada peratusan calon wanita yang rendah. Faktor sosiobudaya, struktur parti politik, kewangan termasuklah pembinaan keupayaan kelihatan mempengaruhi keberadaan dan penglibatan politik wanita terutama penyertaan pada peringkat pembuatan keputusan.

Lazimnya, apabila membincangkan tentang keperluan mencalonkan wanita, kriteria yang dilihat semasa pemilihan ialah kebolehan, kemampuan serta personaliti calon wanita. Bahawa mereka perlu memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh parti. Hal ini diukur berdasarkan keupayaan calon untuk memberikan khidmat kepada masyarakat di samping latar belakang calon yang boleh menarik pengundi. Persoalannya adakah kriteria yang ditetapkan kepada calon wanita berbeza dengan calon lelaki? Atau kriteria untuk calon wanita lebih banyak berbanding dengan calon lelaki? Perkara ini perlu diberi perhatian oleh parti-parti politik apabila mencalonkan wanita. Hal ini dikatakan demikian kerana wanita berdepan dengan halangan yang berganda sekiranya mereka ingin dipilih atau terpilih sebagai calon. Mereka terpaksa menghadapi halangan gender yang didasari oleh budaya patriarki yang meragui keupayaan wanita untuk memimpin.

Peranan gender secara tidak langsung menjadikan wanita meragui keupayaan diri dan menjadi faktor utama yang menyebabkan wanita menolak pencalonan atau tidak bersedia untuk dicalonkan. Ditambah pula dengan kurangnya sokongan sumber dan kewangan untuk membantu wanita terutama di pihak pembangkang (PRU-14) yang membantutkan lagi usaha mendapatkan lebih banyak wanita yang boleh diangkat sebagai calon. Akibatnya, hal tersebut menyebabkan wanita tidak mempunyai keyakinan diri untuk menjadi pemimpin. Selain itu, antara kriteria yang sering disebut-sebut sebagai faktor utama pemilihan calon ialah faktor calon boleh menang (*winnable candidate*). Melalui faktor ini, banyak wanita dilihat tidak layak atau tidak mencapai kualiti calon yang boleh menang. Ada banyak kriteria yang mempengaruhi faktor kemenangan ini termasuklah faktor calon tempatan, mempunyai hubungan kekeluargaan yang besar di tempat yang akan dicalonkan dan mempunyai pengalaman pada peringkat akar umbi terutama bagi calon di kawasan luar bandar.

Selain itu, latar belakang keluarga dan pendidikan, kedudukan sosioekonomi dan penerimaan jentera kawasan turut menjadi perhatian semasa pemilihan dibuat. Satu perkara lagi, bakal calon wanita juga perlu mendapatkan keizinan atau sokongan daripada keluarga terutama suami dan ayah sebagai salah satu kriteria untuk dipilih sebagai calon. Adalah satu perkara yang normal apabila wanita menolak pencalonan kerana tidak



PARTI KEADILAN RAKYAT



mendapat sokongan daripada keluarga. Dalam konteks wanita dan politik, sokongan keluarga amat penting bagi menjamin kelangsungan politik mereka. Mengambil contoh calon wanita PAS misalnya, peranan suami kepada isteri calon atau wakil rakyat meletakkan mereka kepada posisi yang penting mengambil alih tugas-tugas dalam masyarakat yang tidak dapat dijalankan oleh seorang pemimpin wanita seperti menjadi iman sembahyang dan sebagainya. Institusi keluarga yang menyediakan sokongan kepada mereka merupakan antara faktor terbesar dalam penglibatan dan keberadaan wanita PAS dalam politik.

Dalam konteks PRU-14 pula, kekurangan calon wanita dikuatkan lagi dengan struktur parti politik dan penguasaan kaum lelaki. Mengambil contoh PH yang dinaungi oleh empat buah parti utama di Semenanjung dan Warisan di Sabah, keperluan pengagihan kerusi kepada pimpinan-pimpinan parti menyebabkan wanita-kelihatannya terpinggir. PKR terpaksa melepaskan 15 kerusi yang disandang oleh calon wanita untuk diisi oleh parti komponen yang lain. Namun begitu, kerusi tersebut tidak pula diisi oleh calon wanita daripada parti komponen PH lain, sebaliknya diambil alih oleh calon lelaki. Sebagaimana yang dialami oleh AMANAH apabila Ketua Wanitaanya, Siti Mariah Mahmud yang terpaksa melepaskan kerusi Parlimen Kota Raja bagi memberi laluan kepada Muhammad Sabu. Walaupun beliau bertanding di kerusi DUN Sri Serdang, namun langkah ini telah mengurangkan peluang dan ruang untuk calon wanita daripada AMANAH pada peringkat Parlimen.

AMANAH hanya mencalonkan 10 orang wanita sahaja. Mungkin pimpinan parti tersebut melihat Parlimen Kota Raja sebagai sebuah kawasan yang mempunyai penyokong PH yang tinggi, maka YB Muhammad Sabu diletakkan di sana bagi melonjakkan peluang

kemenangan kepada beliau. Secara tidak langsung amalan ini membuktikan dalam politik, pimpinan lelaki tetap diberikan keutamaan. Hal ini tidak termasuk kerusi yang telah diperuntukkan untuk calon wanita tetapi telah "dirampas" oleh calon lelaki. Hal ini menunjukkan kecenderungan parti politik untuk menjadikan wanita sebagai pelengkap dalam percaturan politik mereka. Walaupun PAS meningkatkan bilangan calon wanita daripada 25 (PRU-13) orang kepada 38 (PRU-14) orang tetapi jumlah tersebut hanya mewakili 6.9 peratus daripada keseluruhan calon. Bilangan calon wanita PAS juga dikurangkan di Kelantan dengan alasan untuk menjamin kemenangan parti itu di sana. Selain itu, kerusi wanita di DUN Kijang juga diberikan kepada calon lelaki kerana penyandang memohon untuk tidak dicalonkan semula. Situasi itu menunjukkan PAS tidak menggunakan kaedah pengekalan hak apabila kerusi yang ditandingi oleh calon wanita seharusnya dikedalkan untuk calon wanita yang lain.

Kesungguhan pimpinan BN untuk menempatkan lebih banyak wanita di tempat membuat keputusan dipersoalkan apabila terdapat pimpinan BN mendakwa akan menambah calon wanita tetapi ditempatkan di kerusi yang dimenangi





oleh pembangkang. Hal tersebut memberikan satu tanggapan negatif terhadap kesungguhan pimpinan kerajaan BN untuk mengiktiraf peranan wanita.

Selain itu, PRU-14 juga menyaksikan seramai 67 orang calon wanita bertanding sesama sendiri di 32 kawasan pilihan raya. Jumlah ini adalah yang tertinggi berbanding 26 orang calon wanita bersaing di 13 kawasan pilihan raya semasa PRU-12. Manakala pada PRU-13 pula hanya melibatkan 18 orang calon wanita di sembilan kawasan pilihan raya. Terdapat tiga kawasan pilihan raya yang menyaksikan persaingan tiga wanita, iaitu di DUN Tanjung Mas, Rahang dan Sementa. Pertembungan tiga penjurui ini menerangkan lagi peluang untuk menambah bilangan calon wanita yang boleh menang.

Kesediaan wanita untuk berkorban dan memberikan keutamaan kepada calon lelaki antara faktor yang menyebabkan keberadaan wanita pada peringkat pembuat keputusan masih kurang. Parti-parti politik perlu berperanan menonjolkan wanita sebagai calon perlu

mengubah strategi dengan melayan calon wanita sama penting dengan calon lelaki. Hal ini telah dibuktikan oleh DAP apabila kesemua calon wanita parti itu telah memenangi kerusi yang ditandingi pada PRU-13 dan 14. Antara strategi yang digunakan termasuklah dengan mengekalkan penyandang wanita, meletakkan wanita di tempat yang selamat, iaitu kawasan pilihan raya yang mempunyai rekod sokongan rakyat kepada parti tinggi, serta menentang calon wanita muda serta calon wanita Melayu di kawasan yang mempunyai majoriti pengundi Melayu. Penampilan calon berwajah baharu pula memberikan penampilan segar dan nafas berbeza kepada DAP.


Keputusan PRU-14 menunjukkan daripada 252 orang calon, pengundi telah memilih 93 orang calon wanita atau 36.51 peratus untuk mewakili suara mereka. Daripada bilangan tersebut, 33 merupakan wakil Parlimen, manakala 60 yang lain akan menjadi suara mewakili wanita di DUN. Bilangan wakil rakyat wanita



yang menang daripada setiap parti ialah 31 orang wanita BN, semuanya terdiri daripada wanita UMNO, 55 orang ialah wanita PH, empat orang daripada wakil wanita PAS dan tiga yang lain daripada Parti Warisan. Jumlah ini menjadikan peratus wakil rakyat wanita di Parlimen ialah 14.86 peratus, iaitu yang tertinggi sejak pilihan raya diadakan. Manakala peratus wanita di DUN hanya 11.88 peratus sahaja. Peningkatan bilangan wanita sebagai wakil rakyat memberikan petanda bahawa pengundi semakin matang dan mempercayai kewibawaan wanita sebagai pemimpin.

Jumlah ini masih jauh untuk menjangkau sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus wanita pada peringkat pembuat keputusan. Oleh itu, wacana politik wanita perlu diperbanyakkan agar kerajaan baharu di bawah PH dan parti pembangkang PAS dan BN mengambil serius saranan tentang keperluan sekurang-kurangnya 30 peratus wanita sebagai pembuat dasar oleh badan-badan bukan kerajaan, ahli akademik dan pengamal politik agar peranan signifikan wanita sebagai penyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan negara dapat diterjemahkan dalam bentuk kesamarataan gender pada semua peringkat.

**Rajah 2** Peratus perwakilan wanita di Parlimen.



## Wanita dan Kuasa

Menteri wanita pertama di Malaysia ialah Tun Fatimah Hashim yang dilantik sebagai Menteri Kebajikan pada tahun 1969. Sejak itu, rekod pelantikan menteri wanita paling ramai adalah tiga orang dalam tempoh perkhidmatan yang sama. Bilangan keseluruhan pimpinan wanita sebagai timbalan menteri, menteri di jabatan perdana menteri



atau setiasaha parlimen tidak pernah melebihi 30 peratus. Pada peringkat negeri selepas PRU-14, penglibatan wanita juga tidak memuaskan apabila hanya seorang wanita dilantik sebagai Exco keucali Selangor walaupun kebanyakan mereka menunjukkan prestasi yang lebih baik daripada lelaki. Terengganu kekal tidak mempunyai wakil wanita dalam DUN dan mesyuarat kerajaan negeri. Sejarah politik wanita di Terengganu mencatatkan hanya 11 orang calon wanita pernah dicalonkan di kerusi Parlimen atau DUN di Terengganu dengan pecahan lima orang mewakili UMNO, dua mewakili PAS, dua mewakili PH dan yang lain mewakili PSMR dan calon bebas. Hal tersebut merupakan indikasi sikap kurang mesra pimpinan parti-parti politik di Terengganu yang dimonopoli oleh lelaki terhadap kepimpinan wanita. Secara tidak langsung penduduknya juga dilihat lebih konservatif untuk menerima wanita sebagai pemimpin. Antara semua negeri, Selangor mempunyai rekod sebagai negeri mesra wanita kerana pernah melantik empat orang Exco wanita dan seorang wanita sebagai speaker dewan dengan 26 peratus ADUN, iaitu 15 daripada 56 anggota selepas PRU-13. Namun begitu, hanya dua orang sahaja wanita dilantik sebagai Exco dan hanya 12 orang wanita daripada 56 anggota DUN selepas PRU-14, sekali gus hal ini memberikan petanda bahawa pemerksaan wanita pada peringkat pembuat keputusan masih tidak diberi keutamaan.

Kerajaan baharu di bawah Pakatan Harapan dilihat lebih terbuka dengan memberikan peluang dan ruang kepada wanita untuk berada pada peringkat pembuat keputusan melalui manifesto yang ditawarkan dan terbukti apabila Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri (TPM) Malaysia. Pertama kali dalam sejarah Malaysia, TPM ialah seorang wanita. Namun begitu, impian untuk melihat 30 peratus wanita sebagai menteri dan timbalan menteri masih tidak kesampaian apabila hanya empat orang wanita lain dilantik sebagai menteri penuh manakala Dr. Wan Azizah turut diamanahkan mengetuai Kementerian Wanita dan Pembangunan Keluarga; dan empat timbalan menteri wanita daripada jumlah 24 orang.

Walaupun tidak dinafikan kepentingan wanita menerajui sebuah kementerian yang memfokuskan kepada masalah dan isu-isu yang dihadapi oleh wanita Malaysia, namun ini adalah pertama kali TPM diberi sebuah kementerian yang tidak dilihat setara penting seperti Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kewangan, Kementerian Pertahanan mahupun Kementerian Pendidikan. Jelasnya, hanya lima orang wanita diberi kepercayaan sebagai menteri dan empat timbalan menteri daripada 26 kementerian. Hal ini bermakna hanya 19.23 peratus wanita dilantik



**Rina Harun**  
Menteri Pembangunan  
Luar Bandar



**Zuraida Kamaruddin**  
Menteri Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan



**Yeo Bee Yin**  
Menteri Tenaga,  
Teknologi, Sains,  
Perubahan Iklim  
dan Alam Sekitar



**Teresa Kok Suh Sim**  
Menteri Industri Utama



**Hannah Yeoh  
Tseow Suan**  
Timbalan Menteri  
Pembangunan Wanita,  
Keluarga dan Masyarakat



**Teo Nie Ching**  
Timbalan Menteri  
Pendidikan



**Isnaraissah Munirah  
Majilis@Fakharudy**  
Timbalan Menteri Tenaga,  
Teknologi, Sains, Perubahan  
Iklim dan Alam Sekitar

sebagai menteri dan 15.38 peratus sebagai timbalan menteri. Peratusan ini terasas daripada manifesto PH yang menjanjikan 30 peratus wanita dalam pentadbiran kerajaan di semua peringkat pembuat keputusan.

Walaupun bagaimanapun, diharapkan kabinet baharu Malaysia yang diwakili oleh Rina Harun (Menteri Pembangunan Luar Bandar), Zuraida Kamaruddin (Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan), Yeo Bee Yin (Menteri Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar), Teresa Kok Suh Sim (Menteri Industri Utama) selain daripada Fuziah Salleh (Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama)), Hannah Yeoh Tseow Suan (Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat), Teo Nie Ching (Timbalan Menteri Pendidikan) dan Isnaraissah Munirah Majilis (Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar) berupaya memperkasakan keupayaan, kewibawaan dan kepentingan wanita sebagai pembuat keputusan.

Tidak mustahil Malaysia akan mempunyai bakal perdana menteri wanita pada tiga pilihan raya akan datang. Hal ini bergantung pada prestasi yang ditunjukkan oleh kesemua pimpinan wanita daripada parti-parti yang membentuk kerajaan baharu Malaysia. Pelantikan Dr. Wan Azizah sebagai TPM menjadi sejarah manis yang perlu disusuli dengan tindakan dan mengimplementasikan polisi dan amalan yang menjurus kepada Akta Keseksamaan Gender. Akta ini penting sebagai usaha berterusan pihak kerajaan bagi memastikan sebarang bentuk diskriminasi terhadap golongan wanita dapat dihapuskan melalui perundangan. Selain itu, diharapkan juga wanita India akan turut mempunyai perwakilan kerana sejarah Malaysia belum pernah melantik wanita India sebagai menteri.

Buat masa sekarang, pemimpin wanita yang berada dalam barisan kepimpinan kerajaan baharu terpaksa menggalas tanggungjawab untuk membuktikan bahawa tangan yang mengayun buaian mampu menggongcang dunia!



Penulis, Pensyarah Pusat Penyelidikan Wanita dan Gender (KANTITA), USM.

**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA**